

Konsert Cinta Paling Agung C'Fest 13 USIM malam ini

SEREMBAN 6 Nov. - Orang ramai terutamanya di kawasan sekitar Nilai dijemput untuk menghadiri Konsert Cinta Paling Agung esok sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-13 (C'Fest 13) malam esok.

Penyelaras programnya, Nur Farhana Sulaiman memberitahu, program berkenaan akan bermula 8.30 malam itu akan menampilkan artis terkemuka termasuklah Nora, Ayai Ilusi dan Al Farabi Band.

"Terdapat pembetulan mengenai tarikh konsert ini yang mana ia akan berlangsung esok (7 No-

vember) dan bukannya pada Ahad ini (8 November). Namun dari segi persembahan artis, tidak ada sebarang perubahan.

"Artis lain yang akan kita tampilkan termasuklah Islife dan Najib yang akan membuka tirai konsert kita pada malam esok," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Justeru beliau berharap, orang ramai di kawasan sekitar Nilai dan kawasan berdekatan yang bercuti hujung minggu dapat meluangkan masa untuk memeriahkan lagi konsert ini di Pentas Utama di Tapak C'Fest 13 USIM esok.